



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES
Aras 1,3,4 & 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 W.P. Putrajaya
Malaysia

Telefon : 603-8000 8000
Faks : 603-8889 2443
Laman Web : www.dosh.gov.my

Ruj. Tuan : EXL/JKKP-30000-001
Ruj. Kami : JKJP IS/127/682/1/2019-019
Tarikh : - ~~SEPTEMBER 2019~~ ^{2 OCT 2019}

Pengarah,
EXCELLIFT SDN BHD
Lot 2013, Jalan Anggerik,
Kawasan Perindustrian Jenjarom,
42600 Jenjarom,
Selangor.

Tuan,

Kelulusan Pembaharuan Pendaftaran Sebagai Syarikat Pembuat Struktur Mesin Angkat

No. Pendaftaran : BT 86/019
Tempoh Kelulusan : 25 September 2019 sehingga 25 September 2022

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada permohonan tuan berhubung dengan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini meluluskan permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat tuan sebagai **Syarikat Pembuat Struktur Mesin Angkat** bagi skop berikut -

- i. A1 – Overhead Travelling Crane
- ii. A2 – Portal Crane
- iii. A3 – Gantry Crane
- iv. A4 – Good Hoist
- v. A6 – Gondola
- vi. A11 – Jib Crane

3. Kelulusan pembaharuan pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah :-

- i. Jabatan ini hendaklah diberitahu sekiranya ada sebarang pertukaran/ tambahan / pemindahan pada pegawai, jentera dan premis yang sedia ada. Jabatan ini boleh membatalkan pendaftaran ini jika pihak tuan gagal memaklumkan dengan segera ;
- ii. Sebelum kerja-kerja pembinaan boleh dijalankan, pihak tuan hendaklah mendapatkan kelulusan rekabentuk dari Jabatan ini terlebih dahulu ;
- iii. Segala prosedur kerja-kerja pembinaan struktur mesin angkat mestilah mengikut apa yang dinyatakan di dalam ‘*Quality Control Manual*’ yang telah disemak dan diterima oleh Jabatan



ini dan sebarang perubahan yang akan dilakukan pada ‘*Quality Control Manual*’ mestilah mendapat kelulusan dari Jabatan ini ;

- iv. Semua kerja-kerja kimpalan hendaklah dibuat oleh pengimpal syarikat tuan mengikut Spesifikasi Tatacara Kimpalan (*Welding Procedure Specification*) yang diluluskan oleh Badankuasa Memeriksa yang diiktiraf oleh Jabatan ini. Semua kerja-kerja kimpalan juga perlu dijalankan di bawah penyeliaan dan kawalan yang rapi oleh pihak kawalan mutu tuan sendiri dan semua rekod-rekod kimpalan mestilah disimpan dengan baik ;
- v. Pihak tuan dikehendaki mengambil perhatian terhadap **rekod kerja** setiap projek yang dijalankan. Antaranya termasuk :-
 - a. Rekod Spesifikasi Tatacara Kimpalan (WPS)
 - b. Rekod Ujian Kelayakan Pengimpal (WQT)
 - c. Rekod Kimpalan Ke Atas Mesin Angkat (Kej. 175A)
 - d. Rekod Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan;

Semua rekod kerja perlu disimpan dengan sempurna untuk semakan Jabatan ini dari semasa ke semasa. Rekod-rekod ini juga akan disemak semasa membuat permohonan pembaharuan pendaftaran pada masa akan datang;

- vi. Semua kerja-kerja pembinaan struktur mesin angkat hendaklah dibuat di premis yang beralamat seperti di bawah:-

EXCELLIFT SDN BHD, Lot 2013, Jalan Anggerik, Kawasan Perindustrian Jenjarom, 42600 Jenjarom, Selangor.

atau di tempat pemilik struktur mesin angkat tersebut;

- vii. Pihak tuan mestilah mematuhi semua kehendak-kehendak Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa.

4. Pihak tuan hendaklah memohon pembaharuan pendaftaran dengan Jabatan ini **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** sebelum tarikh tamat tempoh kelulusan.

5. Perlu diingatkan bahawa kebenaran ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya syarat-syarat di atas dan lain-lain syarat Jabatan ini tidak dipenuhi.

6. Sekiranya pihak tuan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat di atas, sila maklumkan ke Jabatan ini secara bertulis dalam **masa empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(IR HAJI MOHD HATTA BIN ZAKARIA)

Pengarah Bahagian Keselamatan Industri
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,
Malaysia.

s.k : Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Negeri

Ketua Seksyen Rekabentuk
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
Ibu Pejabat

Fail Timbul